

**NO. SOALAN: 242**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**RUJUKAN : 9105**

**SOALAN:**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes jenayah terkumpul dan diselesaikan menerusi balai bergerak di Kuala Lumpur sepanjang 3 tahun lalu.**

## JAWAPAN:

Konsep utama Balai Polis Bergerak yang diperkenalkan oleh pihak PDRM adalah untuk memudahkan orang ramai membuat urusan dengan pihak polis di samping untuk mengawal atau mengurangkan kadar jenayah di tempat-tempat yang dikenalpasti mencatatkan kadar jenayah yang tinggi dalam daerah berkenaan. Balai Polis Bergerak juga diletakkan di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai atau semasa acara-acara keramaian di adakan dan berfungsi sebagai tempat pertemuan “*converging point*” kepada semua unit yang bertugas untuk mendapatkan arahan baharu atau bertukar maklumat yang diperolehi di kawasan berkenaan.

Bagi kontinjen Kuala Lumpur, sejak konsep Balai Polis Bergerak diperkenalkan telah menunjukkan penurunan kadar jenayah indeks bagi tahun 2013 sehingga Mac 2016 bagi semua daerah seperti berikut:-

	JENAYAH INDEKS	2013	2014	2015	2016 (Mac)
1	BUNUH	58	43	35	11
2	ROGOL	143	139	123	22
3	SAMUN BERKAWAN BERS/API	14	22	16	3
4	SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	4589	3217	2115	606
5	SAMUN BERSENJATAPI	8	9	6	1
6	SAMUN TANPA S/API	1224	831	652	165
7	MENCEDERAKAN	744	690	725	157
8	CURI	3391	3133	2995	706
9	CURI MOTOKAR	3281	2481	2229	508
10	CURI MOTOSIKAL	5459	4469	4015	1034
11	CURI VAN/LORI/J'BERAT	688	548	524	132
12	CURI RAGUT	214	593	604	342
13	PECAH RUMAH DAN CURI	2506	2118	1907	443
	JUMLAH JENAYAH INDEKS	22319	18293	15946	4130

Selain daripada konsep Balai Polis Bergerak, PDRM telah menjalin kerjasama dengan 11 agensi kerajaan yang lain dalam '*Op Total Enforcement*' bagi membantu Bandaraya Kuala Lumpur mencapai konsep '*Greater Kuala Lumpur*' dan menghakis masalah "*Fear of crime*" kepada penduduk dan menimbulkan "*Fear to be caught*" kepada penjenayah.